



KAMPUS & PENDIDIKAN

12 NOV, 2024

Memahami cabaran nelayan pesisir! UMT santuni komuniti rentan melalui penyelidikan, pemindahan ilmu!



@editor 2

Semua kenyataan media atau media releases boleh dihantar kepada Editor KitaReporters. Sila sertakan juga gambar iringan untuk siaran. Emel: kita.reporters@gmail.com atau editor.kitareporters@gmail.com



Nelayan-nelayan berkongsi permasalahan yang dihadapi dalam sesi dialog yang diadakan oleh sekumpulan penyelidik UMT.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sekali lagi memperkukuh komitmen terhadap masyarakat setempat dengan menggerakkan inisiatif pemeraksanaan komuniti nelayan pesisir, khususnya golongan nelayan tradisional dalam usaha mengangkat taraf ekonomi dan kehidupan mereka.

Inisiatif itu mencerminkan elemen "University for Society" yang menjadi teras UMT, menjadikan universiti bukan sahaja sebagai pusat pengajian tinggi, tetapi juga sebagai entiti yang menyantuni komuniti rentan melalui penyelidikan dan pemindahan ilmu yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Perkara ini juga selari dengan hasrat UMT sebagai peneraju ekonomi biru di Malaysia.

Program yang melibatkan seramai 30 orang nelayan daripada Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Terengganu Utara (PNKKTU) itu bertujuan mendapatkan maklumat tentang isu dan cabaran yang dihadapi golongan nelayan serta berkongsi idea tentang jalan penyelesaian yang boleh diambil kira.

Dalam usaha memperkukuh program itu, UMT turut menjalin kerjasama dengan penyelidik dari dua buah universiti terkemuka di Indonesia, Telkom University dan Universitas Brawijaya bagi menambah nilai melalui pendekatan jalinan strategik antarabangsa.



Menurut Pengarah Program, Dr. Moe Shwe Sin, program khas itu untuk memahami cabaran yang dihadapi nelayan pesisir dalam aktiviti penangkapan ikan.

“Nelayan merupakan golongan rentan yang amat penting untuk ekosistem makanan kita. Sokongan pelbagai pihak diperlukan bagi memastikan kelangsungan mereka dalam menyediakan sumber protein kepada masyarakat setempat.”

Katanya, selain pengenalan berkaitan literasi kewangan kepada nelayan, sesi dialog khas juga diadakan bagi mengenal pasti isu utama yang menghalang mereka daripada memperoleh pulangan yang setimpal daripada hasil tangkapan.

“Maklum balas daripada para nelayan itu akan dibentangkan kepada pihak berwajib untuk penilaian lanjut.

“Langkah itu diharap dapat menjadi titik tolak kepada penyelesaian masalah yang membelenggu kumpulan nelayan pesisir, terutama dalam menghadapi tekanan ekonomi sebagai sebahagian daripada golongan B40,” katanya lagi.



Antara isu utama yang dihadapi nelayan tempatan adalah kerosakan kawasan unjam dan tukun akibat pukut tunda yang tidak diambil semula oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Roslan Mohamed, 52, dan Mohd Suffla, 45, nelayan dari kawasan Batu Rakit, meluahkan kekesalan mereka mengenai isu tersebut, yang menurut mereka telah mengurangkan hasil tangkapan dengan drastik.

“Kawasan yang dahulunya banyak dengan ikan itu kini seolah-olah tiada hidupan,” ujar mereka.

“Pukat tunda yang digunakan nelayan zon lain tersangkut dan ditinggalkan di kawasan tukun dan unjam sering kali menjerat ikan-ikan tanpa diambil semula.

"Ia bukan sahaja merugikan sumber laut, malah ikan yang mati terbiar di kawasan tukun dan unjam itu menjadi penghalang untuk ikan lain datang ke kawasan tersebut," katanya senada. -

KitaReporters/Kenyataan Media

